

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021(ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menggantikan kapal-kapal perang TLDM yang telah usang memandangkan operasi untuk mengawal EEZ (Exclusive Economic Zone) perlu dipertingkatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebahagian kapal-kapal perang Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menjangkau usia melebihi 25 tahun perkhidmatan. Bagi usaha untuk menggantikan kapal-kapal berkenaan, program Transformasi TLDM 15ke5 diwujudkan sebagai garis panduan perancangan pembangunan keupayaan TLDM jangka panjang.

Program ini mensasarkan sebanyak 5 kelas kapal dan perolehan sebanyak 55 buah kapal perang TLDM yang baharu secara berperingkat bermula 2015 hingga 2050. 5 kelas kapal tersebut merangkumi Kapal Kombatan Persisir (LCS), Kapal Misi Persisir (LMS), Kapal Ronda Generasi Baharu (NGPV), Kapal Bantuan Pelbagai Misi (MRSS) dan Kapal Selam. Manakala, kapal-kapal perang TLDM yang telah usang akan dilupuskan secara berperingkat apabila kapal-kapal baharu ini memasuki inventori TLDM.

Setakat ini, 3 dari 4 buah LMS telah diterima sementara sebuah lagi dijangka akan diterima pada Disember tahun ini. Bagi projek LCS pula, Kerajaan sedang menentukan hala tuju baharu bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan kapal berkenaan.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan bagi mengkaji semula had pendapatan garis kemiskinan terkini dalam usaha membangunkan semula sosioekonomi rakyat dalam fasa endemik dan bertepatan dengan kadar pengangguran terkini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan akan mengemas kini klasifikasi pendapatan dan PGK pada tahun 2022 serentak dengan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, HIES & BA dijalankan dua kali dalam tempoh setiap lima tahun.

2. PGK adalah merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. PGK yang terkini dikemas kini iaitu pada tahun 2019 menggunakan metodologi PGK 2019 mengambilkira konsep kos keperluan asas dalam pemilihan barangan makanan dan bukan makanan. Pengukuran PGK makanan adalah berdasarkan konsep optimum minimum manakala PGK bukan makanan berdasarkan 146 barangan dan perkhidmatan asas. PGK mengambilkira peningkatan kualiti hidup dan corak perbelanjaan oleh kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus terendah (B20). PGK 2019 juga menunjukkan perubahan harga semasa bagi barangan dan perkhidmatan.

3. Untuk melengkapi PGK, Kerajaan telahpun menggunakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) bagi mengukur kemiskinan dari pelbagai dimensi. Pada masa ini, MPI merangkumi 4 dimensi iaitu kewangan, pendidikan, kesihatan dan taraf hidup yang merangkumi 11 indikator. Dimensi dan indikator ini akan diperluas agar lebih komprehensif untuk mengukur kemiskinan pelbagai dimensi dengan lebih baik termasuk untuk mengambil kira ketersediaan jalur lebar dan peranti digital. Kaedah mengukur kemiskinan akan terus ditambah baik dalam memastikan keberkesanan inisiatif pembasmian kemiskinan dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.